

Pengusaha diberi tempoh tiga bulan untuk memohon sijil halal Jakim

MAIS haramkan logo halal swasta


Oleh MEGAT RAMLI MEGAT RAOF
megat@kosmo.com.my

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) semalam membuat keputusan mengharamkan penggunaan sijil halal keluaran enam buah syarikat swasta di negeri ini berkuat kuasa serta-merta.

Kesemua syarikat itu yang selama ini mengeluarkan sijil halal kepada kira-kira 100 pengusaha restoran dan makanan di negeri ini dilarang menerima permohonan baru untuk mendapatkan sijil tersebut.

Keenam-enam syarikat terbabit ialah Bahtera Legenda Sdn. Bhd., Islamic Food and Research Council (IFRC), SAS-H Consultancy, Perak Religious Officer Association, Halal Food Council S.E.A dan IFANCA International.

Pengaruh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohammed Khusrin Munawi berkata, bagi pengusaha premis pula, mereka diarahkan supaya tidak lagi menggunakan logo halal terbabit sebaliknya perlu segera membuat permohonan semula dengan pihaknya atau Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).



MOHAMMED KHUSRIN menunjukkan sijil halal yang diharamkan (kiri) dan sijil halal yang diiktiraf oleh Majlis Agama Islam Selangor di Shah Alam semalam.

Katanya, tindakan tegas itu diambil ekoran terdapat pelbagai logo halal keluaran syarikat swasta yang tidak diiktiraf telah dikesan berada

di pasaran menyebabkan berlaku kekeliruan di kalangan masyarakat Islam.

"Kita bimbang memandangkan

Proses pengesahan halal swasta agak longgar dan mudah diperoleh malah tiada pemantauan

KHUSRIN MUNAWI

ramai pengusaha makanan lebih berminat mendapatkan sijil halal keluaran syarikat swasta termasuk daripada mereka yang gagal mendapat pengesahan halal Jakim atau JAIS.

"Ini kerana proses pengesahan halal swasta agak longgar dan mudah diperoleh malah tiada pemantauan semula atau penguatkuasaan terhadap pengusaha selepas sijil dikeluarkan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Dari segi pengu-

atkuasaan, Mohammed Khusrin selaku Setiausaha MAIS memberitahu, tempoh selama tiga bulan diberikan kepada syarikat berkenaan untuk menyelesaikan segala urusan membabitkan pemrosesan sijil logo halal yang telah diterima sebelum ini.

Jika pengusaha terbabit masih ingkar, katanya, JAIS akan mengambil tindakan terhadap kedua-dua pihak mengikut Seksyen 12(b) Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995 dan Seksyen 15(A) Akta Perihal Dagangan 1972.

"Misalnya, di bawah Seksyen 12(b) enakmen itu, mana-mana orang yang didapati bersalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM3,000, penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Kita juga berharap Jabatan Agama Islam negeri lain mengikut langkah JAIS untuk menyeragamkan penggunaan logo halal di Malaysia dalam usaha menjadikan negara ini sebagai hab halal," ujarnya.